

12 JUN 2001

MAHATHIR-MINYAK

SUBSIDI HARGA MINYAK ADALAH DASAR BAHAYA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 12 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pemberian subsidi kepada harga minyak domestik adalah dasar yang merbahaya kerana ia memutar belitkan kebenaran mengenai prestasi ekonomi, mewujudkan masalah sosial dan politik yang serius dan ia juga boleh menjatuhkan kerajaan.

"Bagi negara-negara pengeluar minyak, tiada keuntungan. Apabila harga minyak adalah rendah, subsidi kurang, tetapi pendapatan minyak juga menurun. Apabila harga minyak tinggi, subsidi menyerap sebahagian yang besar pendapatan yang meningkat," katanya.

"Subsidi mewujudkan situasi tiada pemenang," katanya semasa jamuan makan tengah hari di Persidangan Minyak dan Gas Asia Tahunan Keenam 2001, di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata penetapan harga produk petroleum dalam pasaran domestik apabila harga minyak mentah berubah-ubah banyak kali adalah satu masalah besar yang dihadapi oleh kerajaan, dan kegagalan menangani masalah ini dengan cekap boleh menyebabkan kerajaan tumbang.

"Sementara dunia sentiasa mengetahui tentang harga semasa minyak mentah, dunia tidak diberitahu mengenai harga produk di negara-negara yang berbeza. Tetapi, harga produk di stesen minyak adalah lebih penting kepada orang biasa dan kepada industri berbanding harga minyak mentah," katanya.

Ini kerana dalam banyak misalan, harga produk di stesen minyak tiada kaitan dengan harga minyak mentah, dan rakyat dalam sesebuah negara yang mengeluarkan minyak mengharapkan petrol dijual pada harga yang rendah.

"Ini melibatkan subsidi secara langsung dan tidak langsung.

"Rakyat gembira, tetapi harga sebegitu memutar belitkan kebenaran mengenai kos pengangkutan dan pengeluaran industri. Jika produk negara itu dieksport, ia bermakna negara itu memberi subsidi kepada pengguna asing," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata pada harga yang rendah, terdapat banyak penggunaan yang membazir seperti pengguna gas secara tidak cekap dalam pengangkutan, dan terdapat banyak penyeludupan keluar dari sesebuah negara.

"Kemudian, akan tiba masanya apabila kerajaan tidak lagi mampu memberi subsidi atau kerajaan diarahkan oleh pemberi pinjaman asing untuk menghentikan subsidi.

"Reaksi kepada pemberhentian ini mungkin amat menghuru-harakan. Rusuhan, pemusnahan harta adalah biasa. Kadang kala, kerajaan ditumbangkan," katanya.

Perdana Menteri berkata terdapat juga negara yang mengenakan cukai yang tinggi ke atas produk petroleum dan kebanyakan mereka biasanya adalah negara-negara kaya dan mereka juga termasuk semua pengeluar.

"Cukai meningkat apabila harga minyak mentah meningkat, memberikan gambaran bahawa kos produk yang lebih tinggi disebabkan oleh harga minyak mentah yang meningkat.

"Ini tentunya tidak benar. Tetapi, tiada penjelasan mengenai sebab produk petroleum yang lebih tinggi diberikan kepada pengguna," katanya.

"Adalah lebih mudah untuk menyalahkan Opec (Pertubuhan Negara-Negara Pengeksport Minyak)," tambahnya.

Dr Mahathir berkata negara-negara yang mengalami kesan teruk akibat harga minyak mentah yang lebih tinggi adalah negara-negara membangun yang miskin yang tidak mempunyai sumber minyak mereka sendiri.

Akibatnya, negara itu dan rakyatnya terpaksa mengurangkan penggunaan

kenderaan bermotor dan elektrik.

"Mungkin negara-negara pengeluar minyak harus menimbangkan satu bentuk bantuan kepada negara-negara ini. Ia boleh dilakukan walaupun akan ada penyalahgunaan," katanya.

"Tetapi, harga yang dibayar adalah kecil dan pengeluar-pengeluar yang kaya dengan minyak boleh menampungnya," katanya.

Beliau berkata diskaun atau potongan kepada negara-negara miskin ini ketika harga minyak tinggi akan memberi kesan jangka panjang ke arah penghapusan masalah kewangan negara-negara ini.

"Adalah tidak adil bahawa sebahagian negara mempunyai pendapatan per kapita hanya AS\$300 sementara yang lain mempunyai lebih AS\$20,000."

Krisis minyak baru-baru ini juga menunjukkan kelemahan-kelemahan ekonomi seluruh dunia kepada hubungan tidak stabil antara bekalan dan permintaan minyak.

Daripada harga serendah AS\$10 setong pada 1998 hingga kepada AS\$37 pada suku pertama 2000, kehebatan dan magnitud kesan ke atas ekonomi-ekonomi seluruh dunia adalah besar dan "seperti biasa, negara-negara miskin yang tiada pengeluaran minyak domestik adalah yang teruk menghadapinya," katanya. -- BERNAMA

MK MR JR